

# Sektor pertanian, industri luar bandar diberi nilai tambah

Berita Harian 11/06/2010 M/S B10

**P**ROGRAM untuk meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan kemahiran, mewujudkan jalinan dengan majikan dalam kluster berkaitan dan bandar berhampiran serta menyediakan sokongan untuk mereka yang bekerja sendiri, perniagaan mikro dan industri berskala kecil.

Usaha akan diambil untuk meningkatkan produktiviti dan mengekalkan aktiviti berasaskan pertanian melalui penggunaan teknologi pertanian moden dan kaedah perladangan kontrak yang meluas.

Program pembiayaan yang dilaksanakan agensi termasuk MARA, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) akan diperkukuh untuk menyediakan sokongan secara holistik termasuk pembiayaan, peralatan dan latihan dalam bidang per-

## INFO

■ Program pembiayaan yang dilaksanakan MARA, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga akan diperkukuh.

■ Perladangan kontrak diperluas bagi meningkatkan akses pasaran lebih baik dan pendapatan terjamin dalam sektor pertanian.

■ Latihan akan diberi kepada nelayan dan petani untuk tingkat produktiviti dan taraf hidup.

■ Modal permulaan latihan disediakan dan program khusus akan diperkenal bagi menggalakkan belia terbabit dalam aktiviti pertanian.

■ Strategi pembangunan agropolitan akan guna pendekatan bersepadu untuk memajukan industri luar bandar dan membasmi kemiskinan.

niagaan dan teknikal.

Kerajaan akan mewujudkan hub pekerjaan untuk menyediakan bimbingan kerjanya dan mengendali program penempatan kerja di kawasan yang peluang kerjanya terhad.

Perladangan kontrak akan diperluas bagi meningkatkan akses pasaran lebih baik dan pendapatan terjamin dalam sektor pertanian.

Justeru, usaha akan diambil bagi mengenal pasti pembekal makanan berskala besar termasuk Malaysian Agriculture Food Corporation (MAFC) supaya bekerjasama dengan pekebun kecil bagi menjayakan program perladangan kontrak.

Agensi kerajaan termasuk Jabatan Pertanian dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan menerajui perniagaan pertanian moden di kawasan luar bandar seperti perladangan akuakultur dan organik yang mampan dan mesra alam.

Ini termasuk membangunkan kemudahan, mewujudkan pasaran, mendapatkan sijil pengesahan dan menyediakan proses berdasarkan amalan pertanian yang baik.

Usahawan luar bandar pada mulanya akan bekerja sebagai kakitangan perantis untuk meningkatkan kefahaman mengenai pengurusan perniagaan, pemasaran serta proses operasi dan selepas tamat latihan akan ditawarkan mengambil alih perniagaan berkenaan.

Penggabungan tanah bersaiz besar menerusi agensi kerajaan termasuk RISDA, FELCRA dan koperasi digalag bagi meningkatkan skala dan produktiviti.

Pekebun kecil akan memberikan hak mengurus tanah kepada agensi atau koperasi berkaitan. Pekebun akan menikmati penajaan sumber pendapatan lebih baik melalui upah dan dividen.

Latihan akan diberi kepada nelayan dan petani untuk meningkatkan produktiviti

dan taraf hidup mereka. Golongan itu juga akan terus dibekalkan subsidi petrol dan diesel serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan lebih baik.

Program pemasaran akan dirangka bagi membantu nelayan menjual hasil tangkapan secara terus.

Strategi pembangunan agropolitan akan menggunakan pendekatan bersepadu untuk memajukan industri luar bandar dan membasmi kemiskinan dengan cara memberikan projek pembangunan tanah kepada isi rumah miskin yang mampu bekerja.

Mereka akan diberikan bahagian daripada perolehan hasil ladang dan kawasan penempatan semula keluarga miskin ini akan diberikan kemudahan asas.

Peserta yang diberi tanah dan rumah untuk diusahakan dengan pertanian komersil dijangka memperoleh pendapatan minimum yang ditetapkan sebulan.